

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB TUAN HAJI NASRUDIN
BIN HASSAN
(TEMERLOH)**

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan kes-kes pencerobohan yang berlaku di darat, perairan dan udara negara ini serta tindakan-tindakan yang dilakukan ke atasnya sejak 2013 hingga sekarang.

JAWAPAN:

Semenjak tahun 2013 sehingga kini, sejumlah 164 kes kapal-kapal asing telah dikesan oleh Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) yang tidak melalui laluan pelayaran yang telah dicartakan untuk laluan pelayaran mereka berada di dalam perairan negara. Bagi pencerobohan ruang udara pula, sebanyak 164 kes telah dikesan yang melibatkan pesawat-pesawat asing. Manakala bagi kes pencerobohan daratan pula, tiada sebarang kes pencerobohan yang berlaku semenjak kejadian Tanduo, Lahad Datu, Sabah.

Tindakan yang diambil oleh TLDM dalam menangani pencerobohan kapal-kapal asing ialah dengan memantau serta membayangi kehadiran kapal-kapal asing berkenaan, manakala bagi pencerobohan ruang udara pula pihak Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) akan melaksanakan penerbangan pemintasan ke atas pesawat yang menceroboh. Selain itu, Nota Bantahan Diplomatik turut dilakukan kepada negara berkenaan melalui Kementerian Luar Negeri.

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : Tuan Haji Nasrudin bin Hassan
[Temerloh]**

**SOALAN : Tuan Haji Nasrudin bin Hassan minta MENTERI
PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan
langkah-langkah bagi menghapuskan monopoli dalam
pengurusan padi dan beras di negara ini terutamanya pada
aspek aliran rangkaian pengedaran.**

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Pada masa ini, pihak Kerajaan merumuskan bahawa isu monopoli tidak timbul dalam pengurusan padi dan beras di negara ini. Sehubungan dengan itu, tiada langkah-langkah yang dilaksanakan bagi menghapuskan monopoli dalam pengurusan padi dan beras di negara ini.

Tuan Yang Dipertua,

Pemberian pengimportan beras kepada satu entiti tunggal berteraskan kepada Dasar Jaminan Makanan Negara dengan mengambil iktibar daripada peristiwa krisis beras pada tahun 1973. Sebelum tahun 1974, tugas pengimportan beras dibuka kepada syarikat-syarikat swasta.

Namun apabila krisis beras dunia berlaku pada tahun 1972 dimana harga beras dunia meningkat, pengimport-pengimport swasta ini enggan mengimport beras kerana mereka akan mengalami kerugian. Bagi mengelakkan Negara

mengalami masalah bekalan beras Negara yang lebih serius, Kerajaan pada ketika itu telah melantik LPN (Lembaga Padiberas Negara) sebagai pengimpot tunggal dan polisi Dasar Impot Tunggal ini kekal sehingga hari ini dan dipertanggungjawabkan kepada BERNAS.

Dasar Import Tunggal ini telah terbukti berkesan menangani masalah bekalan makanan Negara apabila berlaku gelombang krisis beras pada tahun 2008.

Pemberian impot tunggal ini diringi dengan tugas dan tanggungjawab yang perlu dipatuhi oleh BERNAS sebagaimana terma-terma dalam Perjanjian dengan Kerajaan Malaysia dibawah klausa 4 iaitu BERNAS perlu menjalankan dan menunaikan tugas dan tanggungjawab seperti berikut:-

- i) Tugas untuk menjalankan obligasi sosial iaitu:-
 - a. mengurus dan mengekalkan **stok penimbal** negara pada paras kuantiti yang ditetapkan oleh Kerajaan
 - b. menjamin belian padi daripada petani pada **harga minima terjamin** (*guaranteed minimum price*)
 - c. menjadi **pembeli terakhir** padi kepada petani
 - d. mengurus pembayaran **skim subsidi harga padi** kepada petani
 - e. mengurus **skim kilang Bumiputera**

- ii) Tugas menjaga kepentingan pengguna iaitu:-
 - a. Memastikan harga beras yang stabil dan berpatutan;
 - b. Memastikan bekalan beras yang mencukupi untuk menampung permintaan seluruh negara; dan
 - c. Memastikan standard dan kualiti beras terjamin seperti di dalam Akta dan Standard Antarabangsa bagi beras impot

- iii) Tugas menjaga kepentingan Kerajaan dan mengambil langkah proaktif yang boleh mengakibatkan salahguna.